

Wanita Islam harus punya identiti sendiri—Anwar

BANGI, Selasa — Wanita Islam seharusnya mempunyai identiti sendiri tanpa menjadikan Barat sebagai kiblat atau model dalam mengejar pembangunan dan pembaharuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim berkata, wanita Islam boleh menceburi berbagai-bagai bidang asalkan ia tidak bertentangan dengan lunas Islam.

"Mereka harus berhati-hati supaya tidak ada usaha-usaha memesongkan tugas mereka dan seterusnya tersisih dari masyarakat," tegas Encik Anwar ketika merasmikan Seminar Wanita Islam Asia Tenggara di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini pagi ini.

Katanya, sesuatu yang ideal itu dapat dijadikan kekuatan dan sandaran ke arah pembangunan.

Tetapi wanita Islam tidak akan dapat mempermudah kegiatan dengan keadaan masyarakat yang berlainan di negara masing-masing.

Encik Anwar berkata, pembebasan fikiran masyarakat, kebanyakannya di negara-negara yang pernah dijajah tidak mencukupi kalau masih ada rakyat yang

miskin dan tertindas.

Untuk mencapai hasrat ini, pemikiran dan pandangan umat Islam di dunia ini harus menyeluruh yang melambangkan sikap-sikap bebas.

Encik Anwar menegaskan, selain usaha yang dapat menentukan tugas berkesan dari apa yang digariskan oleh Islam ialah isi yang ada di dalam rohani manusia seperti sikap.

Katanya, identiti Islam perlu ditekankan kerana ia boleh disalahanggap oleh setengah golongan dan pembebasan dan pembaharuan tidak boleh diselarikan dengan fahaman-fahaman lain seperti yang ada di negara-negara Barat.

"Wanita Islam boleh menceburkan diri dalam semua bidang asalkan tidak bercanggah dengan kaedah Islam," tegas Encik Anwar.

Tetapi katanya, apa juga yang disarankan oleh kaum wanita Islam hendaklah mempunyai hubungan dengan kenyataan.

Katanya, persoalan wanita Islam bukan sahaja menjadi masalah negara tetapi juga masyarakat Islam seluruhnya.